



(/) » BERITA (/BERITA) » Pelajar UPM pelajari gunatanah dalam pertanian di Bangkok

[Senarai Berita \(/berita\)](#)

## Pelajar UPM pelajari gunatanah dalam pertanian di Bangkok

Oleh: Dr. Daljit Singh a/l Karam Singh



BANGKOK - Bagi memahami senario pertanian di negara lain yang lebih kurang sama iklimnya serta gunatanah untuk pertanian, seramai 25 pelajar Master Pengurusan Sumber Tanah (LARM), Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan lawatan akademik di Sekolah Sumber Pertanian, Universiti Chulalongkorn, Bangkok, baru-baru ini.

Lawatan itu bagi mendedahkan pelajar mengenai strategi pembangunan pertanian di Thailand, terutama daripada segi pembangunan sahsiah pelajar pertanian di negara yang merupakan salah satu pengeluar makanan terbesar di dunia.



Ketibaan pelajar yang diiringi dua pensyarah UPM Dr. Daljit Singh Karam dan Dr. Mohd Rizal Ariffin, disambut oleh Dekan Sekolah Sumber Pertanian, Prof. Dr. Kanisak Oraveerakul.

Prof. Dr. Kanisak berkata sekolah tersebut ditubuhkan kira-kira 10 tahun lalu, dan memberi peluang kepada pelajar mendalami dan menerokai kebolehan masing-masing di dalam memajukan sektor pertanian di Thailand.

"Generasi pelajar muda yang energetik, kreatif dan inovatif adalah sumber penting di dalam memperkasakan sektor pertanian."

### LIHAT JUGA



Muslim Mother Teresa dampingi pelajar asna  
 (/berita/muslim\_mother\_teresa\_dampingi\_pelajar\_asna-38337)



UPM kongsi kefahaman pendekatan Wasatiyyah dengan masyarakat  
 (/berita/upm\_kongsi\_kefahaman\_pendekatan\_yah\_dengan\_masyarakat-38271)



Pelajar UPM pelajari gunatanah dalam pertanian di Bangkok  
 (/berita/pelajar\_upm\_pelajari\_gunatanah\_dalam\_pertanian\_di\_bangkok-38259)



Universiti Putra Malaysia  
 43400 UPM Serdang  
 Selangor Darul Ehsan

1800 22 5587  
 +603 8948 7273  
 marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

"Penguasaan dalam bidang sains dan teknologi amat penting dalam bidang pertanian untuk membolehkan pelajar dapat menjalankan projek berdasarkan pertanian yang dengan betul," katanya.

BM 

Katanya, antara projek graduan yang berjaya ialah "Khao Yai The Mango House Farm" iaitu kebun yang terletak di Nong Nam Daeng, Nakhon Ratchasima yang merupakan pusat setempat bagi penggemar buah mangga yang menawarkan penjualan buah mangga terus dari kebun, bistro makanan dan minuman berdasarkan mangga serta jualan mangga dan produk berdasarkan mangga secara atas talian.

Terdapat lebih 8,000 pokok mangga di kebun itu serta buah-buahan eksotik Thailand lain aiut buah naga dan betik. Kebun itu mendapat pensijilan Good Agricultural Practice (GAP) dan merupakan antara tarikan pelancong di Nong Nam Daeng.

Antara projek yang berjaya di kalangan pelajar Sekolah Sumber Pertanian adalah "Ladang Babi Termaju di Thung Kham, Provinsi Nan". Projek itu mengambil masa lapan bulan oleh pelajar Universiti Chulalongkorn yang membantu penternak babi meningkatkan pengedaran daging babi di provinsi berkenaan dengan menerapkan konsep mesra alam.

- Entiti Kami
- Dokumen
- Newsletter
- Tetapan



Pelajar LARM turut melawat Muzium Tanah, Jabatan Pembangunan Tanah, Thailand, yang memaparkan koleksi profil tanah daripada seluruh pelosok Thailand.

Profil tanah ini menggambarkan keadaan dan komposisi tanah di Thailand, khususnya untuk rujukan pengurus tanah serta orang ramai yang berminat untuk memahami kesuburan tanah serta mengetahui kesesuaian penanaman.



Selain itu, muzium pertanian mereka yang dikenali sebagai 'Golden Jubilee of Agriculture' turut memaparkan garis masa pertanian di negara Gajah Putih itu yang menjawab persoalan mengapa Thailand begitu obses dengan pertanian walaupun mereka melaksanakannya melalui kaedah konvensional kerana hampir 90% petani di negara itu mengamalkan pertanian tradisional .

Atase Pertanian Malaysia di Bangkok, Mohamad Ezri Shamsuddin sempat meluangkan masa serta menerangkan kepada pelajar bahawa ayahanda kepada Raja Thailand sekarang, mendiang Raja Bhumibol Adulyadej (1927-2016) amat menitikberatkan kecukupan makanan ke atas rakyatnya.

"Pemerintahan baginda perlu memastikan setiap rakyat mempunyai makanan yang cukup, dan yang selebihnya bolehlah dijual kepada orang lain," katanya.

Ketua pelajar LARM, Wan Abdul Hadi berkata penggunaan teknologi terkini boleh membantu meningkatkan produktiviti hasil pertanian, namun rakyat Thailand membuktikan bahawa, penggunaan tanah pertanian dengan optimum dan dibangunkan secara lestari dapat menjamin kedaulatan makanan mereka.

BM

"Pelaburan dalam jentera-jentera atau peralatan yang terkini, tidak semestinya memberi pulangan keuntungan seperti yang diimpikan. Yang penting adalah pembangunan insan iaitu kesungguhan dan keazaman petani untuk menghasilkan hasil tani mengikut amalan pertanian yang terbaik di kebun atau tanah mereka," katanya.

Menurutnya, terdapat peluang perniagaan yang disediakan kepada rakyat untuk menjadi usahawan. Antara yang paling berjaya adalah Royal Project Shop yang merupakan pusat pengumpulan dan pengedaran produk berdasarkan pertanian yang menjadi tarikan para pelancong.

Lawatan dalam dan luar negara merupakan salah satu komponen penting dalam kursus LARM yang memberi peluang kepada pelajar untuk melihat serta membuat perbandingan pengurusan sumber tanah. - UPM

Kemaskini:: 05/03/2018 [hairul\_nizam]

- [Entiti Kami](#)
- [Dokumen](#)
- [Newsletter](#)
- [Tetapan](#)

#### PERKONGSIAN MEDIA

([https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar\\_upm\\_pelajari\\_gunatanah\\_dalam\\_pertanian\\_di\\_bangkok-38259&title=Pelajar%20UPM%20Pelajari%20Gunatanah%20Dalam%20Pertanian%20Di%20Bangkok%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.addtoany.com/share#url=http%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fpelajar_upm_pelajari_gunatanah_dalam_pertanian_di_bangkok-38259&title=Pelajar%20UPM%20Pelajari%20Gunatanah%20Dalam%20Pertanian%20Di%20Bangkok%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia))  
 (/#facebook)    (/#twitter)    (/#google\_plus)  
 (/#linkedin)    (/#email)    (/#copy\_link)  
 (/#wordpress)    (/#print)

#### HUBUNGI KAMI

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA  
  
 ☎ 1800 22 5587  
 ☎ +603 8948 7273  
 📩 [marketing@upm.edu.my](mailto:marketing@upm.edu.my)

#### PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spn.upm.edu.my>)  
 Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)  
 KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)  
 Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)  
 Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)  
 Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)  
 Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)  
 Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)  
 i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)  
 i-GIMS (pelajar pascaasiswa) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)  
 Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

#### PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)  
 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)  
 1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)  
 Multimedia Super Corridor (<http://www.mscomalaysia.my>)  
 Portal myGovernment (<https://www.mygov.gov.my/en/home>)  
 Agenzi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

#### PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)  
 Statistik Transaksi Laman Web (<http://www.upm.edu.my/>)  
 Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my>)  
 Laporan Piagam Pelanggan ([http://www.upm.edu.my/mengenai\\_kami/n8202](http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202))  
 Dasar UPM ([http://www.pnc.upm.edu.my/Dasar\\_UPM.html](http://www.pnc.upm.edu.my/Dasar_UPM.html))  
 Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu.my>)  
 Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my>)  
 Penerbitan UPM ([http://www.upm.edu.my/Penerbitan\\_UPM.html](http://www.upm.edu.my/Penerbitan_UPM.html))  
 Poliklinik Putra Medik ([http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik\\_Putra\\_Medik.html](http://www.upm.edu.my/kandungan/Poliklinik_Putra_Medik.html))  
 Takwim UPM 2018 (<http://www.upm.edu.my/upload/dokumen/2018.pdf>)

Bantuan (/footnote/bantuan-29937) Penafian (/footnote/penafian-29938)  
 Dasar Keselamatan (/footnote/dasar\_keselamatan-29939)  
 Dasar Privasi (/footnote/dasar\_privasi-29949)  
 Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss)

© 2018 Universiti Putra Malaysia



LANGGAN MELALUI EMAIL  Emel anda



